




PUSAT ANTAR-AGENCY PENERBITAN MALAYSIA



IIUM Press

PENERBITAN  
BIOGRAFI DAN MEMOIR

# CERITERA MANUSIA



**ROOSFA HASHIM**

Penerbitan Biografi dan Memoir

# CRITERA MANUSIA

Roosfa Hashim, PhD. (Malaya)

*Disampaikan sebagai Syarahan Umum PPM  
pada Jumaat, 29 Ogos 2014, Dewan Bankuet,  
Menara Dewan Bahasa dan Pustaka*



PERSATUAN PENTERJEMAH MALAYSIA



IIUM Press

IIUM PRESS

GOMBAK • 2014

<http://iiumpress.iium.edu.my/bookshop>



First Edition 2014  
IIUM Press, IIUM

Member of Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia - MAPIM  
(Malaysian Scholarly Publishing Council)

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without any prior written permission of the publisher.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Roosfa Hashim, 1962-

Penerbitan Biografi dan Memoir: Ceritera Manusia / Roosfa Hashim  
ISBN 978-967-418-343-1

1. Autobiography--Authorship. 2. Biography as a literary form.  
3. Speeches, addresses, etc. I. Judul.  
808.06692

Published by  
IIUM Press

International Islamic University Malaysia  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Printed in Malaysia by  
REKA CETAK SDN. BHD.  
No. 14, Jalan Jemuju Empat 16/13D,  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,  
Selangor D.E., MALAYSIA

## Abstrak

Penerbitan biografi dan memoir dalam masyarakat Melayu bermula dengan kemunculan pelbagai hikayat seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Siti Zubaidah*. Pegawai kolonial penjajah meneruskannya dengan memperkenalkan kaedah, gaya dan amalan penulisan genre ini menurut tradisi di Barat. Mereka mempunyai kepentingan dan agenda tertentu apabila mengungkapkan pengalaman selama berkhidmat di negara ini dan di Nusantara. Sejak selepas kemerdekaan, telah terbit lebih banyak biografi dan memoir oleh penulis dan tokoh tempatan. Subjek yang dijadikan tulisan datang dari pelbagai bidang kemahiran dan kepakaran. Di sini persoalan perlu dibicarakan ialah apakah yang perkembangan selanjutnya dalam penerbitan biografi dan memoir di negara ini sejak munculnya *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Siti Zubaidah* dan sebagainya selepas beberapa abad lalu? Kepentingan dan agenda apakah yang mendorong penulisan dan penerbitan biografi dan memoir sejak zaman penjajahan Inggeris, selepas merdeka dan era globalisasi sekarang? Apakah penerbitan biografi dan memoir menjadi salah satu agenda penting di negara ini. Apakah dampak penerbitan biografi dan memoir terhadap masyarakat di negara ini. Selain mengukur status kemajuan penerbitan biografi di negara ini, kita juga perlu merenungkan bagaimanakah bentuk biografi terbaik yang wajar kita terbitkan agar ceritera atau kisah manusia dan tokoh yang kita pilih itu tampil dalam citra yang menarik untuk dibaca. Renungan ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha bagi menyuburkan korpus biografi dan memoir dengan terbitan yang bermutu. Dengan demikian juga kita akan menjadi suatu bangsa yang menghargai sumbangan tokoh dan pemimpinnya dan meletakkan mereka di tempat yang tinggi dan sewajarnya. Di samping itu renungan ini juga diharap akan dapat mengemukakan landasan intelektual yang kukuh dalam usaha mendokumentasikan peranan, jasa dan sumbangan mereka yang penting dalam sejarah dan peradaban bangsa kita.